

09/09/2001

Agensi kerajaan bincang laporan Suhakam

Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR: Beberapa agensi kerajaan termasuk polis akan mengadakan perjumpaan untuk membincangkan laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) yang merumuskan polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi ketika menangani insiden perhimpunan haram di Lebuhraya Kesyahbandar Klang, November tahun lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perjumpaan itu akan diadakan tidak lama lagi.

Beliau berkata, setakat ini, polis dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) sudah menyiapkan laporan terperinci berhubung laporan yang dikemukakan oleh Suhakam.

"Saya sudah dapat laporan itu. Polis pun sudah buat kajian dan kita sedang telitinya. Selain itu, saya juga perlu jumpa dan dapatkan pandangan daripada jabatan lain.

"Datuk (Seri Dr) Rais Yatim (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) pun akan kemukakan laporannya.

"Kami sama-sama setuju untuk mengadakan perbincangan kerana adalah penting untuk kita memahami apakah perkara yang berlaku dan dengan itu apakah pendirian kerajaan," katanya selepas menutup Persidangan Pertubuhan Persatuan Pengurusan Asia (AAMO) ke-14 di sini, petang semalam.

Persidangan anjuran Institut Pengurusan Malaysia, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) serta Perbadanan Kemajuan Multimedia (MSC) diadakan sempena Persidangan Perniagaan Multimedia ke-3 MSC-IAP di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada sudah menerima laporan penuh daripada Suhakam berhubung insiden itu.

Suhakam yang menjalankan penyiasatan berhubung kejadian itu dalam laporannya merumuskan polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi ketika bertindak menangani insiden berkenaan.

Suruhanjaya itu dalam laporan setebal 66 muka surat menyatakan pencabulan berlaku berikutan tindakan polis ketika menyuraikan perhimpunan itu, menangkap mereka yang berada di tempat kejadian dan ketika rawatan dalam tahanan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diminta mengulas laporan Suhakam itu menyifatkannya banyak dipengaruhi pemikiran Barat dan bukan lagi untuk kepentingan negara.

Ditanya sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk berjumpa dengan Suhakam berhubung laporan itu, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, tidak ada rancangan untuk berjumpa dengan Suhakam.

"Saya tidak akan kata apa-apa. Apakah keputusan yang akan dibuat selepas pertemuan itu nanti kita akan tahulah," katanya.

Mengulas dakwaan Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali dalam laman web Parti Keadilan Nasional bahawa lebih kurang 300 orang mati dalam tahanan polis tanpa sebab yang jelas sejak dua tahun lalu, beliau berkata, itu adalah satu tuduhan liar.

"Kita tak tahu apa asas dia buat tuduhan seperti itu. Saya ingat polis mesti pandang ini (tuduhan itu) sebagai serius dan jika perlu ambil tindakan, mesti ambil tindakan," katanya.

Ditanya mengenai laporan kononnya masih berlaku kehilangan wang pendeposit dalam akaun yang disimpan di Lembaga Tabung Haji, Abdullah berkata: "Polis masih belum mengemukakan laporan kepada saya tetapi saya mengetahuinya," katanya.

Baru-baru ini, hampir RM9 juta wang yang disimpan pendeposit dalam

Tabung Haji dikeluarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.  
(END)